

**Enjoy 0.88% with PB Visa Flexipay
Terms & Conditions**

1. The Promotion is valid from 1 March to 31 December 2023 (the “Promotion Period”).
2. This Promotion is open to all Public Bank Berhad (PBB) and Public Islamic Bank Berhad (PIBB) Visa Credit Cardmembers (“Eligible Cardmembers”).
3. Eligible Cardmembers can convert their purchase transactions into Flexipay Plan as follows:-

Minimum Amount	Tenure	Upfront Interest/ Management Fee
≥ RM1,000	10-month	0.88%

4. The Eligible Cardmember must inform Public Bank Berhad (PBB)/ Public Islamic Bank Berhad (PIBB) by calling the Customer Service Department of PBB/ PIBB at 03-2170 8000 or email to PBB/ PIBB at custsvc@publicbank.com.my. The details of the purchase which the Eligible Cardmember intends to pay by instalments under the Flexipay must be made known to PBB/ PIBB 3 days after the purchase is made and 5 days before the next statement date. PBB/ PIBB reserves the right to reject the application at its absolute discretion without having to assign any reason whatsoever to the Eligible Cardmember.
5. Flexipay is not available as cash and is not applicable to cash transactions, any payment via www.pbebank.com, payment of instalments under other instalment payment schemes provided by PBB/ PIBB or any other bank or financial institution, payment of instalments under balance transfer and settlement of any annual fee, outstanding balances or charges imposed by PBB/ PIBB under and/ or pursuant to the terms of the Cardmember Agreement.
6. To qualify for the Promotion, the minimum amount of a purchase must be at least RM1,000. The qualifying purchase limits may be varied from time to time at PBB/ PIBB's absolute discretion.
7. Subject to PBB/ PIBB's approval, a purchase not precluded by any terms herein can be settled by instalments under the Flexipay if:-
 - a) the Account has been debited with the purchase transaction; and
 - b) the purchase transaction is reflected in the current monthly statement as part of the Current Balance due but has not passed the next monthly statement date at the time the purchase is converted into Flexipay Instalment. To illustrate with an example:-
 - the statement date is 1 March 2023.

- the purchase transaction date is 3 March 2023.
- the Eligible Cardmember must inform PBB/ PIBB that he wishes to apply for Flexipay between 6 to 27 March 2023, before the next statement date (please allow 3 days for the transaction to be posted).
- the payment can only be converted to Flexipay Instalments before 1 April 2023 (the next statement date).

8. The Flexipay Monthly Instalment is computed based on the following formula:-

$$\text{Flexipay Monthly Instalment} = \frac{\text{Flexipay Amount}}{\text{Flexipay Tenure (10 months)}}$$

9. Upon PBB/ PIBB's approval of the Eligible Cardmember's application for the Flexipay, the credit limit of the Eligible Cardmember's Card Account will be reduced by the aggregate amount of the outstanding Flexipay Monthly Instalments due. As each Flexipay Monthly Instalment is repaid/ paid by the Eligible Cardmember, the amount equivalent to the Flexipay Monthly Instalment so repaid/ paid shall be restored to the Eligible Cardmember's credit limit.
10. The Flexipay Monthly Instalment shall be billed to the Eligible Cardmember on the date following PBB/ PIBB's approval of the application and every month thereafter until full settlement of all the Flexipay Monthly Instalments.
11. The Eligible Cardmember will have to make full payment for the monthly instalment amount debited to the Eligible Cardmember's Card Account. The standard tiered Finance Charge/ Management Fee of 15% to 18% p.a. will be levied on the overdue amount and/ or outstanding monthly instalment not paid in full.
12. The total amount of the contracted monthly instalment for Flexipay will be billed in full as part of the minimum payment as defined in the latest Cardmember Agreement.
13. If the minimum payment is not paid by the Due Date, the standard late charges of 1.0% of the total outstanding balance as at statement date or a minimum of RM10, whichever is higher (capped to a maximum of RM100) will be chargeable. After the credit scheme duration, the standard tiered Finance Charge/ Management Fee of 15% to 18% p.a. will be applicable.
14. The Eligible Cardmember may apply for Flexipay more than once subject to the Eligible Cardmember's eligibility based on the Terms and Conditions herein contained. All converted payment of purchases are deemed to be final and as agreed by the Eligible Cardmember.

15. There will be no card rewards, i.e. Cash MegaBonus/ Cash Back or reward points awarded for payment of Flexipay monthly instalment.
16. Each of the following events shall constitute an event of default where with the occurrence of such an event, all outstanding charges and/ or upon Flexipay Monthly Instalments and all monies due thereunder shall immediately become due and payable by the Eligible Cardmember and without prejudice to PBB/ PIBB's right to demand payment of all or any part of the outstanding charges and/ or Flexipay Monthly Instalments and the monies due thereunder. PBB/ PIBB's shall be entitled to exercise its remedies under the Cardmember Agreement:-
 - a) if the Eligible Cardmember defaults in any of his/ her obligations stated herein or under the Cardmember Agreement;
 - b) if default is made in the payment of the Flexipay interest charges/ management fees and/ or Flexipay Monthly Instalment or any sums due thereunder or under the Account;
 - c) if the Flexipay shall be terminated;
 - d) if terms and conditions herein or any part hereof shall at any time for any reason cease to be in full force and effect or valid or shall be declared void repudiated or frustrated;
 - e) if it becomes impossible or unlawful for PBB/ PIBB to make available or continue to make available the Flexipay facility to the Eligible Cardmember;
 - f) if there shall occur any circumstances of any nature which in PBB/ PIBB's opinion may cause PBB/ PIBB to be unable to make available or continue to make available the Flexipay facility to the Eligible Cardmember; and
 - g) the Card is cancelled or the Account is terminated.
17. If it becomes impractical for PBB/ PIBB to maintain the Flexipay by reason of any change in law or regulations which give rise to new or additional taxes, higher reserve requirement or a significant change in the monetary situation or economic environment, the Eligible Cardmember agrees to bear such additional costs for maintaining the Flexipay. For this purpose, PBB/ PIBB may at its absolute discretion either bill the Eligible Cardmember for the additional costs or correspondingly adjust the Flexipay Monthly Instalment before the Flexipay Tenure expires.
18. The Eligible Cardmember may at any time, after the approval of the application, cancel the Flexipay facility by written notice to PBB/ PIBB. PBB/ PIBB shall be entitled to charge and debit to the Eligible Cardmember's Card Account a cancellation penalty of

RM100 in the event of cancellation or early settlement of the Flexipay Amount. Upon the cancellation of the Flexipay facility, the total outstanding Flexipay Amount shall immediately become due and payable to PBB/ PIBB. All such outstanding Flexipay Amount will be shown in the monthly statement and the Eligible Cardmember shall pay the same in accordance with provisions of the Cardmember Agreement in default of which, PBB/ PIBB shall be entitled to exercise its right under the Cardmember Agreement.

19. The Flexipay is valid only up to the Flexipay Tenure or such other date as may be extended by PBB/ PIBB. Nothing herein contained shall be construed as imposing an obligation on PBB/ PIBB to extend the Flexipay Tenure and PBB/ PIBB disclaims all liabilities in respect of any actions, claims, damages, costs, charges and expenses which the Eligible Cardmember may suffer, sustain or incur by reason of his/ her participation in the Flexipay.
20. PBB/ PIBB shall not be responsible for any inadequate, damaged or defective merchandise or be concerned with any dispute between the Eligible Cardmember and the merchants. The Eligible Cardmember must at all times pay the Flexipay Monthly Instalments as prescribed by the terms herein.
21. Regardless of whether an event of default has occurred, PBB/ PIBB shall be entitled at its absolute discretion at any time to terminate the Flexipay facility made available to the Eligible Cardmember whereupon all outstanding Flexipay Monthly Instalments shall immediately become due and payable upon PBB/ PIBB's demand of the same by notice in writing to the Eligible Cardmember. All such outstanding Flexipay Monthly Instalments will be shown in the monthly statement and the Eligible Cardmember shall pay the same in accordance with the provisions of the Cardmember Agreement in default of which, PBB/ PIBB shall be entitled to exercise its right under the Cardmember Agreement.

General Terms and Conditions

1. By participating in the Promotion, the Participant shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by the Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained. The Bank further reserves the exclusive right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty one (21) days prior notice at www.pbebank.com website.
2. Any questions or queries on the Promotion, must be referred to PB Card Services & Support at 03-2170 8000.

3. The Bank shall not be liable for any direct or consequential loss and damage or whatsoever suffered by the Participant, whether caused directly or indirectly, in whole or in part, from their participation in the Promotion or as a result of any act or omission on the part of the Bank.
 4. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in the Cardmember Agreement applicable to the Participant's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "Enjoy 0.88% with PB Visa Flexipay" Promotion.
 5. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.
-

**Nikmati Bayaran 0.88% dengan *Visa Flexipay* PB
Terma dan Syarat**

1. Promosi ini sah dari 1 Mac hingga 31 Disember 2023 (“Tempoh Promosi”).
2. Promosi ini terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit Visa Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (PIBB) (“Ahli Kad yang Layak”).
3. Ahli Kad yang Layak boleh menukar urusan niaga pembelian mereka kepada Pelan Fleksibel seperti yang berikut:-

Amaun Minimum	Tempoh	Faedah Pendahuluan/ Fi Pengurusan
≥ RM1,000	10 bulan	0.88%

4. Ahli Kad yang Layak mesti memaklumkan kepada Public Bank Berhad (PBB)/ Public Islamic Bank Berhad (PIBB) dengan menelefon Bahagian Perkhidmatan Pelanggan PBB/ PIBB melalui 03-2170 8000 atau e-mel kepada PBB/ PIBB melalui custsvc@publicbank.com.my. Butir-butir pembelian yang ingin dibayar oleh Ahli Kad yang Layak secara ansuran di bawah Bayaran Fleksibel ini mestilah dimaklumkan kepada PBB/ PIBB 3 hari selepas pembelian dibuat dan 5 hari sebelum tarikh penyata berikutnya. PBB/ PIBB mempunyai hak untuk menolak permohonan tersebut mengikut budi bicara mutlak tanpa perlu memberi apa jua sebab kepada Ahli Kad yang Layak.
5. Bayaran Fleksibel tidak tersedia sebagai tunai dan tidak diterima pakai untuk urusan niaga tunai, apa-apa bayaran melalui www.pbebank.com, bayaran ansuran di bawah skim bayaran ansuran lain yang disediakan oleh PBB/ PIBB atau mana-mana bank atau institusi kewangan lain, bayaran ansuran di bawah pindahan baki dan pelunasan apa-apa fi tahunan, baki belum jelas atau caj yang dikenakan oleh PBB/ PIBB di bawah dan/ atau menurut terma Perjanjian Ahli Kad.
6. Untuk layak menyertai Promosi ini, amaun minimum pembelian mestilah sekurang-kurangnya RM1,000. Had pembelian yang layak mungkin berbeza dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak PBB/ PIBB.
7. Tertakluk pada kelulusan PBB/ PIBB, pembelian yang tidak terhalang oleh apa-apa terma dalam ini boleh dibayar secara ansuran di bawah Bayaran Fleksibel sekiranya:-
 - a) Akaun tersebut telah didebitkan dengan urusan niaga pembelian; dan
 - b) urusan niaga pembelian ditunjukkan dalam penyata bulanan sebagai sebahagian daripada Baki Semasa yang perlu dibayar tetapi belum melepasi tarikh penyata bulanan

berikutnya pada masa pembelian ditukarkan kepada Ansuran Bayaran Fleksibel. Sebagai ilustrasi dengan contoh: -

- tarikh penyata ialah 1 Mac 2023.
- tarikh urus niaga pembelian ialah 3 Mac 2023.
- Ahli Kad yang Layak mesti memaklumkan kepada PBB/ PIBB yang beliau ingin memohon Bayaran Fleksibel antara 6 hingga 27 Mac 2023, sebelum tarikh penyata berikutnya (sila beri 3 hari untuk urus niaga dicatatkan).
- bayaran hanya boleh ditukarkan kepada Ansuran Bayaran Fleksibel sebelum 1 April 2023 (tarikh penyata berikutnya).

8. Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel dikira berdasarkan formula yang berikut: -

$$\text{Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel} = \frac{\text{Amaun Bayaran Fleksibel}}{\text{Tempoh Bayaran Fleksibel (10 bulan)}}$$

9. Selepas PBB/ PIBB meluluskan permohonan Ahli Kad yang Layak untuk Bayaran Fleksibel itu, had kredit Akaun Kad Ahli Kad yang Layak akan dikurangkan mengikut amaun agregat Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel belum jelas. Apabila setiap Ansuran Bayaran Fleksibel dibayar semula/ dibayar oleh Ahli Kad yang Layak, amaun yang bersamaan dengan Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel yang dibayar semula/ dibayar itu akan dimasukkan semula dalam had kredit Ahli Kad yang Layak.
10. Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel akan dibilkan kepada Ahli Kad yang Layak pada tarikh berikutnya selepas PBB/ PIBB meluluskan permohonan dan setiap bulan selepas itu sehingga semua Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel dilunaskan sepenuhnya.
11. Ahli Kad yang Layak perlu membuat bayaran penuh bagi amaun ansuran bulanan yang didebitkan dalam akaun Ahli Kad Kredit PB. Caj Kewangan/ Fi Pengurusan bertingkat sebanyak 15% hingga 18% setahun akan dikenakan atas amaun melebihi tempoh dan/ atau ansuran bulanan belum jelas yang tidak dilunaskan sepenuhnya.
12. Keseluruhan amaun ansuran bulanan terkontrak untuk Bayaran Fleksibel akan dibilkan sepenuhnya sebagai sebahagian daripada bayaran minimum seperti yang ditakrifkan dalam Perjanjian Ahli Kad yang terkini.
13. Jika bayaran minimum tidak dibayar pada Tarikh Matang, caj lewat biasa sebanyak 1.0% daripada jumlah baki belum jelas pada tarikh penyata atau minimum sebanyak RM10, mana-mana yang lebih tinggi (dihadkan pada maksimum sebanyak RM100) akan dicaj. Selepas tempoh skim kredit berkenaan, Caj Kewangan/ Fi Pengurusan bertingkat sebanyak 15% hingga 18% setahun akan dikenakan.

14. Ahli Kad yang Layak boleh memohon untuk Bayaran Fleksibel lebih daripada satu kali tertakluk pada kelayakan Ahli Kad yang Layak berdasarkan Terma dan Syarat yang terkandung dalam ini. Semua bayaran untuk pembelian yang ditukarkan itu dianggap sebagai muktamad dan seperti mana yang dipersetujui oleh Ahli Kad yang Layak.
15. Tiada ganjaran kad, iaitu MegaBonus Tunai/ Pulangan Tunai atau mata ganjaran, akan diberi untuk ansuran bulanan Bayaran Fleksibel.
16. Setiap peristiwa yang berikut akan merupakan peristiwa kemungkiran yang mana dengan berlakunya peristiwa seumpama ini, semua caj belum jelas dan/ atau apabila Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel dan semua wang yang perlu dibayar di bawah ini akan dengan serta-merta menjadi terhutang dan mesti dibayar oleh Ahli Kad yang Layak dan tanpa prejudis kepada hak PBB/ PIBB untuk menuntut bayaran kesemua atau mana-mana bahagian daripada caj yang belum jelas dan/ atau Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel serta wang yang perlu dibayar. PBB/ PIBB berhak untuk melaksanakan langkah-langkah pemulihannya di bawah Perjanjian Ahli Kad:-
 - a) jika Ahli Kad yang Layak mungkir mana-mana obligasinya seperti yang dinyatakan dalam ini atau di bawah Perjanjian Ahli Kad;
 - b) jika terdapat kemungkiran dalam caj faedah/ fi pengurusan Bayaran Fleksibel dan/ atau Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah ini atau di bawah Akaun;
 - c) jika Bayaran Fleksibel ditamatkan;
 - d) jika terma dan syarat dalam ini atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa bagi apa jua sebab berhenti daripada dikuatkuasakan sepenuhnya atau kesahan atau hendaklah diisytihar sebagai batal disangkal atau digagalkan;
 - e) jika ia menjadi tidak mungkin atau tidak sah dari segi undang-undang bagi PBB/ PIBB untuk menyediakan atau terus menyediakan kemudahan Bayaran Fleksibel kepada Ahli Kad yang Layak;
 - f) jika berlaku apa-apa keadaan dalam apa jua bentuk yang pada pandangan PBB/ PIBB mungkin menyebabkan PBB/ PIBB untuk tidak dapat menyediakan atau terus menyediakan kemudahan Bayaran Fleksibel kepada Ahli Kad yang Layak; dan
 - g) Kad dibatalkan atau Akaun ditamatkan.
17. Jika tidak mungkin bagi PBB/ PIBB untuk mengekalkan Bayaran Fleksibel disebabkan oleh perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang memerlukan cukai baharu atau cukai tambahan, keperluan lebih tinggi untuk rizab atau perubahan penting dalam

keadaan kewangan atau persekitaran ekonomi, Ahli Kad yang Layak bersetuju untuk menanggung kos tambahan demikian untuk mengekalkan Bayaran Fleksibel. Bagi tujuan ini, PBB/ PIBB boleh atas budi bicara mutlakanya mengenakan bayaran kepada Ahli Kad yang Layak bagi kos tambahan atau selepas itu menyesuaikan Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel itu sebelum Tempoh bagi Bayaran Fleksibel itu tamat.

18. Ahli Kad yang Layak boleh pada bila-bila masa, selepas permohonan diluluskan, membatalkan kemudahan Bayaran Fleksibel dengan notis bertulis kepada PBB/ PIBB. PBB/ PIBB berhak untuk mengenakan caj dan mendebit Akaun Ahli Kad yang Layak penalti pembatalan sebanyak RM100 sekiranya Amaun Bayaran Fleksibel dibatalkan atau dilunaskan lebih awal. Apabila kemudahan Bayaran Fleksibel dibatalkan, jumlah yang belum jelas bagi Amaun Bayaran Fleksibel itu akan serta-merta menjadi terhutang dan perlu dibayar kepada PBB/ PIBB. Semua Amaun Bayaran Fleksibel yang belum jelas akan ditunjukkan dalam penyata bulanan dan Ahli Kad yang Layak hendaklah membayarnya menurut peruntukan dalam Perjanjian Ahli Kad. Jika tidak, PBB/ PIBB layak untuk melaksanakan haknya di bawah Perjanjian Ahli Kad.
19. Bayaran Fleksibel itu sah sehingga Tempoh Bayaran Fleksibel sahaja atau tarikh lain seperti yang diberikan oleh PBB/ PIBB. Tiada satu apa pun dalam ini yang boleh dianggap sebagai mengenakan obligasi atas PBB/ PIBB untuk melanjutkan Tempoh Bayaran Fleksibel dan PBB/ PIBB menolak semua liabiliti berkenaan dengan tindakan, tuntutan, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan yang Ahli Kad yang Layak mungkin alami, tanggung atau dikenakan berikutan penyertaannya dalam Bayaran Fleksibel.
20. PBB/ PIBB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa barang dagang yang tidak mencukupi, rosak atau tidak sempurna atau tidak akan terbabit dengan pertikaian antara Ahli Kad yang Layak dengan saudagar. Ahli Kad yang Layak mestilah membayar Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel pada setiap masa seperti yang dinyatakan dalam terma-terma dalam ini.
21. Tanpa mengira sama ada sesuatu peristiwa kemungkiran itu telah berlaku, PBB/ PIBB berhak atas budi bicara mutlakanya untuk menamatkan kemudahan Bayaran Fleksibel yang disediakan kepada Ahli Kad yang Layak pada bila-bila masa, maka semua Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel yang belum jelas akan serta-merta menjadi terhutang dan perlu dilunaskan apabila diminta oleh PBB/ PIBB secara notis bertulis yang diberikan kepada Ahli Kad yang Layak. Semua Ansuran Bulanan Bayaran Fleksibel yang belum jelas akan ditunjukkan dalam penyata bulanan dan Ahli Kad yang Layak hendaklah membayarnya menurut peruntukan dalam Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya tidak, PBB/ PIBB berhak untuk melaksanakan haknya di bawah Perjanjian Ahli Kad.

Terma dan Syarat Am

1. Dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, Ahli Kad yang Layak dianggap telah membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam ini. Keputusan Bank adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani. Bank seterusnya berhak untuk mengubah, meminda, memotong atau membuat penambahan kepada Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari melalu laman web www.pbebank.com.
 2. Apa-apa soalan atau pertanyaan mengenai Promosi mestilah dirujuk kepada Perkhidmatan Kad PB dan Sokongan melalui 03-2170 8000.
 3. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, secara langsung atau berikutan daripadanya, atas apa-apa kerugian dan ganti rugi atau apa jua pun yang dialami oleh Ahli Kad yang Layak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, berikutan penyertaan mereka dalam Promosi ini disebabkan oleh apa-apa tindakan atau ketertinggalan oleh Bank.
 4. Terma dan Syarat dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Ahli Kad yang Layak. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan Promosi "*Enjoy 0.88% with PB Visa Flexipay*".
 5. Jika terdapat pertikaian, ketidakseragaman atau keberlainan dalam terma dan syarat versi Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.
-